

21 SEP 2002

KASTAM-PENYERAGAMAN

PENYERAGAMAN PROSEDUR KASTAM PERCEPATKAN LAGI OPERASI

KLANG, 21 Sept (Bernama) -- Penyeragaman dan kemudahan yang akan diperkenalkan kerajaan dalam menggunakan sistem satu borang bagi semua jenis pergerakan termasuk urusan import, eksport dan pemindahan barang berduti akan mempercepatkan proses berkecuaan lebih 50 peratus.

Timbalan Ketua Pengarah Kastam Diraja Malaysia (Pencegahan) Datuk Zaleha Hamzah berkata langkah itu yang dibentangkan dalam Belanjawan 2003 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir semalam juga dapat menjimatkan masa dan mengelakkan kekeliruan.

"Pada masa ini borang Kastam 1 untuk import, untuk eskport borang Kastam 2 dan untuk pemindahan barang berduti pula borang Kastam 8 digunakan..tetapi selepas ini hanya satu borang digunakan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas perasmian Mesyuarat Agung Kesatuan Pegawai Marin Jabatan Kastam Semenanjung Malaysia Sessi 2002-2004 oleh Timbalan Menteri Kewangan Datuk Chan Kong Choy di sini, hari ini.

Semalam Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata pergerakan barang bercukai antara kawasan bebas cukai atau tujuan eksport dikecualikan dari jaminan bank dan hanya satu borang digunakan untuk mengendalikannya.

Mengenai pemeriksaan tanpa melalui Jabatan Kastam selepas diperiksa agensi lain seperti Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pertanian, Zaleha berkata tidak timbul soal penyelewengan kerana agensi kerajaan mempercayai satu sama lain.

Beliau juga berkata satu koordinasi antara setiap kementerian dan jabatan terlibat akan diwujudkan bagi memastikan kelancaran proses itu.

Pada masa ini, semua barang yang diimport masuk perlu melalui kelulusan Jabatan Kastam terlebih dahulu.

Mengenai pungutan cukai oleh Jabatan Kastam yang didapati berkesan selepas kajian beberapa tahun lepas, jabatan akan memperhebatkan penguatkuasaan dan berharap orang awam, sektor perniagaan dan pengimport lebih mematuhi kewajipan membayar cukai, katanya.

"Kita juga ada sistem memantau terutamanya bagi barang yang tertakluk kepada duti yang dipindahkan dari satu stesen ke pelabuhan.

"Kita akan pertingkatkan unit risikan and modus operandi baru dalam operasi selain kempen kesedaran. Operasi yang dijalankan meletakkan sasaran khusus kepada produk kritikal seperti minuman keras, rokok, tekstil dan kereta," katanya.

Sementara itu Chan berkata kesemua prosedur itu sedang diperhalusi oleh Jabatan Kastam sebelum ia dilaksanakan selepas diwartakan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

"Ia merupakan sebahagian daripada usaha Malaysia bagi menyediakan tempat yang kondusif bagi perniagaan.

"Sudah pastinya kami (kerajaan) akan meningkatkan usaha mengutip cukai tetapi pada masa yang sama (orang ramai) juga perlu sedar tanggungjawab mereka," katanya.

Beliau berkata Kerajaan akan mengambil tindakan mengikut undang-undang terhadap mereka yang mengelak untuk membayar cukai. -- BERNAMA

SHS ZK